



**SASSI -2: PENGESAN PENANDA AWAL PENYALAHGUNAAN DADAH DAN
BAHAN DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA
(KAJIAN KES DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA)**

**Khaidzir Hj. Ismail¹, Mohd Fauzi Mohd Jani², Abdul Hamid Jaafar³,
Fariza Md Sham⁴, Zainab Ismail⁵, Doris Padmini a/p Selvaratnam⁶,
Noriah Mohd Ishak⁷ & Khairil Awuar⁸**

ABSTRAK

Kajian ini cuba mengenalpasti petanda awal bagi penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang di kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Seramai 1000 pelajar tahun pertama yang baru mendaftar bagi sesi 2009/2010 telah dipilih. Untuk penyaringan awal penyalahgunaan bahan, pengukuran *self esteem*, keagamaan, tekanan akademik, strategi daya tindak remaja dan tekanan kawan sebaya telah digunakan dan secara deskriptif didapati penghargaan sendiri, keagamaan dan tekanan kawan sebaya berada pada tahap yang sederhana rendah, namun tahap tinggi dijumpai pada daya tindak dan tekanan akademik. Kemudian pengukuran SASSI-2 telah digunakan bagi mengukur tahap kecenderungan penyalahgunaan bahan terlarang telah digunakan yang terdiri dari 10 skala iaitu skala *face valid alcohol*, *face valid others drug*, *family friends risk*, *attitude*, *symptom*, *obvious attributes*, *subtle attributes*, *defensiveness*, *supplemental addiction measure* dan *correctional*. Skala SASSI-2 telah mengenalpasti seramai 21 pelajar yang

¹ Timbalan Pengarah, Prof. Madya Dr., Pusat Perkembangan Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia

² Dekan, Prof. Dr., Fakulti Ekonomi Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

³ Pensyarah, Prof. Madya Dr., Fakulti Ekonomi Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴ Ketua, Prof. Madya Dr., Jabatan Dakwah & Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁵ Pensyarah, Prof. Madya Dr., Jabatan Dakwah & Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁶ Pensyarah Kanan, Dr., Fakulti Ekonomi Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁷ Pengarah, Prof. Madya Dr., Pusat PERMATApintar, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁸ Pelajar PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia



telah terlibat dalam penyalahgunaan bahan (SAD) dan 9 pelajar tergolong dalam kebergantungan bahan (SDD). Selain dari itu, saringan ini juga dapat mengenalpasti seramai 823 pelajar yang berpotensi untuk terjebak dalam penyalahgunaan bahan (*Low probability particularly SAD*) dan seramai 177 pelajar sahaja yang bebas dan bersih dari potensi ini (*Low probability*). Manakala secara inferensi ujian statistik regresi berganda mendapati bahawa *self esteem*, keagamaan, tekanan akademik, strategi daya tindak remaja dan tekanan kawan sebaya menunjukkan kesan kepada tingkah laku penyalahgunaan bahan. Demikian pula petanda awal yang digunakan untuk menjangkakan setiap skala dalam pengukuran SASSI-2 ini juga menunjukkan kesignifikan dan dapatan ini adalah sesuai secara teoritikal.

ABSTRACT

This study aims to identify early indication of substance abuse among students of Universiti Kebangsaan Malaysia. A total of 1000 first year students of 2009/2010 intake were selected for this study. For screening purposes on substance abuse, assesment on self esteem, religiosity, academic stress, coping strategy and peer preassure were administered. According to descriptive statistics, self esteem, religiosity and peer preassure were found to be moderately low, however coping strategy and academic stress were found to be high instead. SASSI-2 instrument was then administered to measure possibility of substance abuse with 10 scales which include alcholol, face valid other drug, family friends risk, attribute, symptom, obvious attributes, subtle attribute, defensiveness, supplemental addiction measure and correctionl. Results from SASSI-2 indicated that a total of 823 students were on low probability particularly SAD and out of 823 students, 21 were SAD(Substance Abuse Disorder) and 9 with SDD (Substance Dependent Disorder). The rest (177 students) were free from any substance or drug influnce. Multiple regression was then carried out and self esteem, religiosity, academic stress, coping and peer preassure showed an effect on substance abuse behavior, and these results seemed to support theoretically.



PENGENALAN

Malaysia mempunyai wawasan yang sangat jelas untuk menjadi sebuah negara maju berasaskan acuan sendiri menjelang tahun 2020. Dalam usaha menjadikan wawasan tersebut satu kenyataan, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan manusia merupakan teras kepada pencapaiannya. Rakyat Malaysia yang mempunyai kualiti yang tinggi serta dipenuhi dengan nilai dan kerohanian yang sejahtera adalah paksi kepada tegaknya wawasan tersebut. Namun begitu, cabaran sememangnya timbul dalam konteks kesejahteraan masyarakat apabila gejala penyalahgunaan dadah wujud secara meluas di negara ini (Khairul & Noraini 2004).


Fenomena penyalahgunaan dadah dan penagihan dadah dalam kalangan remaja dan belia sudah menjadi satu masalah serius yang kini melanda segenap lapisan masyarakat di dunia ini. Fenomena ini sebenarnya bukanlah masalah baru, bahkan telah wujud berkurun lamanya. Di Malaysia, penyalahgunaan dadah bukan satu persoalan baru. Ia telah menjadi satu ancaman bukan sahaja kepada individu atau keluarga, malah turut menjadi satu masalah besar kepada negara (Syed Amin 1995; Mahmood 1999; Abdul Ghafar 1992; Ruslina 2004). Masalah dadah mengancam secara berantai bermula dari penyeludupan dan pengedaran, kemudian membawa kepada penyalahgunaan dan seterusnya penagihan dadah. Jika dilihat isu penyalahgunaan dadah yang melanda dunia khususnya negara barat pada hari ini sangat kritikal. Peningkatan kes penyalahgunaan dan penagihan dadah setiap tahun menuntut pelbagai usaha untuk memerangi gejala ini yang sememangnya berhadapan dengan dugaan dan cabaran yang begitu hebat.

Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda khususnya di negara ini adalah satu masalah besar yang sentiasa mendapat tumpuan ramai terutama sekali pihak berkuasa. Golongan muda merupakan modal insan dan aset penting negara yang sangat berharga. Jumlah belia bagi tahun 2007 adalah seramai 11.96 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2008) dan merupakan satu kumpulan besar dalam populasi penduduk Malaysia. Golongan ini juga merupakan golongan yang mempunyai statistik tertinggi terlibat dengan masalah dadah. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengatasi



masalah dadah. Berjuta-juta wang juga telah dibelanjakan untuk membasmi penyalahgunaan dadah. Namun usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak-pihak tertentu tidak menampakkan kesan positif yang ketara (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBM) 2008).


Golongan belia di Malaysia pada 2007 berjumlah 11.96 juta orang. Sepanjang tempoh 2002 hingga 2007, jumlah bilangan belia (18 hingga 39 tahun) yang dikesan menagih dadah adalah seramai 130, 006 orang. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2008 pula, jumlah bilangan belia yang dikesan menagih dadah (19 hingga 39 tahun) adalah seramai 5,996 orang (66.85%) dari keseluruhan bilangan penagih dadah yang dikesan dalam tempoh berkenaan. Jadual 1 adalah ringkasan jumlah belia negara dan mereka yang telah dikesan menagih dadah mengikut agihan umur. Mulai tahun 2004, didapati jumlah belia yang terlibat dengan penagihan semakin berkurang bagi semua peringkat umur (IPBM, 2008; AADK, 2008).



Sepanjang 2002-2007, bilangan pelajar yang telah dikenalpasti terlibat dengan penagihan dadah adalah seramai 126 orang, manakala bilangan pelajar sepanjang Januari-Julai 2008 berjumlah 68 orang. Jumlah pelajar IPT yang dikenalpasti menagih dadah dadah juga didapati semakin berkurang mulai tahun 2005 bagi kedua-dua peringkat iaitu peringkat diploma dan ijazah. Jadual 2 meringkaskan jumlah penglibatan pelajar dalam penagihan sepanjang 2002 hingga Julai 2008. Namun begitu, Jadual 2 juga menunjukkan



penglibatan pelajar IPT peringkat diploma masih merupakan penyumbang utama kepada penagihan dadah peringkat IPT sepanjang 2002- Julai 2008.



Sumber : IPPBM, 200 dan, AADK 2008

Bagi mengekang penyalahgunaan dadah peringkat IPT, AADK telah mengadakan beberapa jenis program pencegahan di peringkat IPT seperti aktiviti ceramah, pameran, dan tayangan video, ujian saringan air kencing, Program Kesejahteraan Kampus dan penglibatan langsung AADK pada minggu Orientasi dan Konvokesyen IPT. Pada Julai 2008, 94 program telah dijalankan dan daripada 23,345 peserta program yang terlibat, 16 darinya didapati positif terlibat dengan penagihan dadah melalui Ujian Saringan Air Kencing, peningkatan 93.75% berbanding Jun 2008 (AADK, 2008).

Terdapat pelbagai faktor yang menjadi penyebab dan pendorong seseorang terlibat dengan penyalahgunaan dan penagihan dadah. Antara faktor tersebut ialah pengaruh rakan sebaya, perasaan ingin tahu, mencari keseronokan, keluarga, tekanan jiwa dan masalah kesakitan. Namun begitu, persoalan yang timbul ialah apakah faktor psikologikal yang menjadi penyebab kepada seseorang mendorong untuk menggunakan dadah?



OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah membentuk satu set penanda awal bagi menjangka perilaku penyalahgunaan bahan dalam kalangan pelajar IPTA.

1. Mengenalpasti bilangan pelajar yang berpotensi terlibat dan juga yang telah terlibat dalam salahguna bahan.
2. Mengenalpasti kesan penanda awal (*self esteem*, Keagamaan, tekanan akademik dan koping remaja) terhadap penyalahgunaan Bahan dengan menggunakan pengukuran SASSI-2

DEFINISI KONSEP

Penghargaan Kendiri (Self Esteem)

Coopersmith (1967) mendefinisikan penghargaan sendiri sebagai penilai peribadi yang ditunjukkan melalui sikap yang dipegang oleh individu tentang dirinya. Penilaian yang dipegang oleh seseorang individu pada kebiasaannya akan kekal pada dirinya. Ia adalah suatu yang dialami secara subjektif yang diluahkan kepada orang lain melalui pertuturan dan tingkah laku. Ia menunjukkan sikap seseorang individu sama ada ia merasakan dirinya penting, berkemampuan, berjaya, berguna atau berharga. Menurut Fromm (1956) pula, penghargaan sendiri merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk menyayangi dirinya sendiri dengan menerima kenyataan yang sebenarnya ada pada dirinya.

Dadah

Mengikut Kamus Dewan (2000), istilah 'dadah' diiktiraf sebagai ubat-ubatan. Dadah juga merupakan sebarang bahan sama ada asli atau tiruan yang boleh mengubah cara bekerja badan dan otak kita. Dadah yang berasal dari bahan asli maksudnya dadah yang berasal dari tumbuh-tumbuhan, misalnya heroin yang datang daripada getah bunga popi. Heroin



boleh juga dicipta di dalam makmal sebagai dadah tiruan atau dikenali sebagai dadah sintetik. Dadah sintetik mempunyai kesan yang sama dengan dadah asli.

Alkohol

Alkohol atau nama saintifiknya alkohol etil (ethyl alcohol) adalah sejenis bahan kimia yang boleh diminum dan memabukkan. Alkohol ialah minuman arak yang biasa kita temui. Alkohol ini dihasilkan melalui cara penapaian buah anggur atau pemeraman cecair dari sesuatu bahan yang mengandungi zat gula atau glukosa seperti madu lebah, buah kismis, kurma, epal dan kentang. Alkohol dengan formula C_2H_5OH ini boleh juga dihasilkan dari bahan yang mengandungi kanji seperti beras pulut. Kepekatan dan peratusan alkohol yang didapati dalam cecair ini bergantung kepada jenis bahan yang digunakan dan jangka masa itu diperamkan. Lebih lama sesuatu bahan itu diperam, semakin tinggi kepekatan dan kandungan alkoholnya (Simano 1973 dalam Shubasiny 2001).

Tingkah laku Merokok

Tingkah laku merokok ditakrifkan sebagai perbuatan menghisap rokok. Ia boleh dikesan dengan menggunakan soal selidik (*self-report*) dan dapat disahkan melalui urin nikotin dan karbon monoksida dari udara pernafasan keluar. Bagi kajian yang dijalankan ini, tingkah laku merokok didefinisikan sebagai seorang yang merokok sekurang-kurangnya dua batang sehari.


Rakan Sebaya

Definisi rakan mengikut Kamus Dewan edisi ketiga bermaksud sahabat, handai, taulan, teman atau kawan dalam sesebuah perkongsian (persatuan, persekutuan dan lain-lain) atau sesuatu kegiatan. Dari perspektif sosial-psikologi, kumpulan rakan sebaya ialah satu kumpulan rujukan yang terdiri daripada pemuda-pemudi di mana seseorang remaja mengidentifikasikan dirinya serta mencontohi piawai-piawai yang telah ditetapkan. Cole dan Hall (1970) mengatakan bahawa rakan sebaya merupakan sebuah unit sosial yang merupakan satu kumpulan yang kecil dalam sesebuah masyarakat. Setiap ahli dalam



kumpulan ini berarah kepada persamaan dari pelbagai bidang seperti dari segi status sosial, tempat tinggal, sikap, watak, minat, budaya, corak hidup dan lain-lain.

MODEL KAJIAN



KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian untuk menyelidiki tingkah laku penyalahgunaan bahan telah banyak dijalankan dan dengan pelbagai jenis alat pengukuran. Paling tidak ada 5 pendekatan yang digunakan untuk melakukan pengujian yang berhubungan dengan penyalahgunaan bahan terlarang, iaitu *Self-report*, *laboratory testing*, *direct observation*, *reports from others*, and *archival records*. (Winters, Latimer & Stinchfield, 2002). Yang paling popular digunakan adalah *test laboratory* dan *self report (screening test)* ((Winters, Anderson, Bengston, Stinchfield, & Latimer, 2000 dlm Winters, Latimer & Stinchfield, 2002).

Di antara pengukuran penyaringan yang pernah digunakan seperti yang senaraikan oleh Winters, Latimer & Stinchfield (2002) adalah 1). *Adolescent alcohol involvement scale (AAIS)*. pengukuran AAIS dibina oleh Mayer & Filstead (1979). Pengukuran ini menguji



kekerapan dan pola penggunaan alkohol di kalangan remaja 2). *Adolescent drinking index (ADi)* dibina oleh Harrell & Wirtz (1989). Alat ini juga difokuskan tentang masalah alkohol di kalangan remaja. 3). *Adolescent drug involvement scale (ADIS)* dibina oleh Moberg & Hahn (1991). Alat ini adalah modifikasi dari alat pengukuran AAIS yang ditujukan tentang penggunaan dadah dalam tahap yang berat. 4). *Drug abuse screening test for adolescents (DAST-A)*. Dibina oleh Martino, Grilo, & Fehon (2000). 5). *Drug use screening inventory-revised (DUSI-R)*. Pengukuran ini cuba mengestimasi tingkat dan akibat dari penggunaan dadah. 6). *Personal experience screening questionnaire (PESQ)*, dibina oleh Winters (1992). Alat ini untuk mengukur sejarah penggunaan dadah, tentang faktor risiko psikososial dan pola respon kepura-puraan. 7). *Problem oriented screening instrument for teenagers (POSIT)*. Alat ini terdiri dari penyalahgunaan bahan, tingkah laku agresif dan delinkuen, tahap pendidikan, perhubungan dalam keluarga, dan kesihatan mental.

8). *Rutgers alcohol problem index (RAPI)*. Dibina oleh White and Labouvie (1989). Alat ini mengukur tentang delikuensi, kehidupan keluarga, fungsi-fungsi neuropsikologi, masalah fizikal, fungsi-fungsi psikologikal dan perhubungan sosial. 9). *Adolescent diagnostic interview (ADI)*. Alat ini dibina oleh Winters & Henly (1993). Alat ini adalah struktur temubual menanyakan informasi sosiodemografi, fungsi psikososial dan penggunaan bahan. 10). *Customary drinking and drug use record (CDDR)*. Alat ini dibina oleh Brown et al. (1998). Alat ini lebih digunakan untuk yang mengalami simptom DSM-III-R and DSM-IV yang diiringi oleh ketergantungan alkohol dan dadah. 10). *Adolescent drug abuse diagnosis (ADAD)* alat ini melihat penggunaan alkohol dan dadah, latar belakang dan masalah keluarga, *legal status, medical status, psychological status*, pendidikan/pekerjaan, dan aktifitas sosial serta hubungan rakan sebaya. 11). *Comprehensive addiction severity index for adolescents (CASI-A)*, alat ini dibina oleh Meyers (1991). Alat ini menyelidik pelbagai masalah iaitu pendidikan, riwayat hidup keluarga (termasuk penganiayaan), *legal history*, masa lapang, hubungan rakan sebaya, *psychiatric status*, penyalahgunaan bahan, dan penggunaan masa senggang. 12). *Teen severity index (T-ASI)*, alat ini dibina Kaminer, Bukstein, & Tarter (1991). Alat ini memfokuskan berbagai masalah antara lain penggunaan bahan kimia, status sokongan



kerja, perhubungan keluarga, *legal status*, perhubungan perkawanan sosial, *psychiatric status*, dan tahap pendidikan 13). *Adolescent self-assessment profile (ASAP)* dibina oleh Wanberg (1992). Alat ini mengukur kekerapan, akibat, keuntungan, dan faktor risiko yang dihubungkan dengan penggunaan bahan. 14). *Hilson adolescent profile (HAP)* alat ini menyinggung tentang penggunaan alkohol dan dadah.14). *Juvenile automated substance abuse evaluation (JASAE)* alat ini mengukur laporan penggunaan dadah dan riwayat stress dalam kehidupan. 15). *Personal experience inventory (PEI)* alat ini juga menyangkut masalah penyalahgunaan bahan yang berada pada tahap tinggi. 16). Termasuk alat pengukuran yang digunakan dalam kajian ini iaitu SASSI-2 pengembangan dari *Substance abuse subtle screening inventory (SASSI) The adolescent version of the SASSI* yang dibina oleh Miller (1985) yang mengukur *defensiveness, face valid alcohol, face valid other drug, obvious attributes, and subtle attributes*.

Adapun kajian ini memfokuskan menggunakan alat pengukuran SASSI-2 untuk mengenalpasti penyalahgunaan bahan yang disertai dengan 4 (empat) penanda aras tingkah laku penyalahgunaan bahan yang dicari hubungkaitnya dengan penyalahgunaan bahan dimaksud. Empat penanda aras dimaksud adalah tekanan akademik, *self esteem*, keagamaan dan strategi daya tindak.

Di antara kajian yang cuba hubungkan antara *self esteem* dengan penghargaan sendiri adalah kajian Baumeister et al (2003) dan Wright Moore (2006) dan Trzesniewski et al (2006). Demikian pula kajian yang dilakukan oleh Hasil kajian yang dijalankan oleh Arifin, Roseliza Murni, Saedah, Zainab & Wan Shahrazad (2006) ke atas pelatih pusat serenti mendapati bahawa individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah. Dan untuk melakukan pemulihan tingkah laku ini perlu diberi terapi yang meningkatkan penghargaan sendiri (lih. Barret, 1990 dan Arifin et.al. , 2006).

Dari sudut tekanan akademik pula, banyak kajian yang mendapati bahawa tekanan akademik dapat melahirkan tingkah laku yang menjurus untuk mengambil bahan



terlarang (Ang dan Huan, 2006. Akgun, 2000. Juon, Shin & Nam 1995. Goeders, 2003. Boys, Marsden & Strang 2001. dan Pelissier & Jones 2006).

Daya tindak yang dijadikan salah satu penanda awal kajian ini dalam beberapa kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa daya tindak yang baik akan dapat memberikan pertahanan untuk seseorang individu tidak terjebak dengan perilaku penyalahgunaan bahan (Niaz et al, 2005. Bruce, 2000. Wexler, 1991, Nazruek Ekram, 2000. Hyman et al, 2007. Meilman dan Presley, 1991). Dalam kajian Park et al (2007) menjumpai untuk melepaskan diri atau 'escapism' dari stress penyalahgunaan bahan merupakan salah satu 'escapism' atau kaedah remaja untuk mengelak atau melarikan diri daripada perasaan-perasaan negatif yang tidak menyenangkan sebagai salah satu kesan psikologikal dan perkembangan (Bemam, 1995).

Penanda aras yang sangat penting adalah agama, juga telah banyak kajian dilakukan untuk melihat hubungkaitnya dengan tingkah laku penyalahgunaan bahan. Dapatan kajian menunjukkan trend bahawa keagamaan berperanan sebagai daya kawalan dalaman yang sangat utama untuk mengelak dari tingkah laku penyalahgunaan bahan (Nik Mohd. Zaini, 1991. Paulo Dalgalarroni et al, 1998. Nazrul, 2000. Merrill Ray M et al, 2001). Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Melissa S. S., Eric A. S., Gary R. G., Erin M. K. & Audrey L. B. (2004) mendapati hubungan di antara keagamaan dan masalah alkohol dan penyalahgunaan dadah. Impak keagamaan ke atas pencegahan penyalahgunaan dadah dan alkohol telah didokumentasikan. Pusat Penagihan dan Penyalahgunaan Bahan Kebangsaan Universiti Columbia (2001) (The National Center on Addiction and Substance Abuse at Columbia University [CASA]) menemui bahawa agama dan kerohanian mempunyai potensi yang sangat besar untuk mengurangkan risiko penyalahgunaan bahan di kalangan remaja dan orang dewasa dan apabila digabungkan dengan rawatan professional untuk pemulihan (2001).



METOD KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian yang bersifat tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada subjek untuk dijawab. Pentadbiran soal selidik ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar tahun pertama yang baru mendaftar di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor bagi sesi 2009/2010.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di kolej-kolej yang berada di kawasan kampus induk Bangi. Lapan buah kolej telah dikenalpasti antaranya ialah Kolej Pendeta Za'ba, Kolej Keris Mas, Kolej Rahim Kajai, Kolej Dato' Onn, Kolej Hussien Onn, Kolej Ibrahim Yaakub, Kolej Aminuddin Baki dan Kolej Ibu Zain. Pemilihan lokasi kolej ini adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan pelajar tahun pertama dan juga lokasi kolej yang berhampiran antara satu sama lain memudahkan alat ujian ditadbir serentak dalam satu masa.

Subjek kajian

Dalam kajian ini subjek dipilih secara persampelan rawak sistematik. Sampel kajian dipilih secara rawak ke atas seribu (1000) pelajar baru prasiswazah tahun pertama kemasukan 2009/2010 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Soal selidik ditadbir selepas pelajar tamat Minggu Mesra Pelajar dan ini adalah bersesuaian dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi yang mana Minggu Mesra Pelajar tidak boleh diganggu atau mempunyai program selain dari yang telah dipersetujui.

Antara 1000 subjek kajian, 728 pelajar adalah perempuan dan 271 pelajar lelaki. Subjek yang dipilih juga terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu seramai 74% Melayu, 20.4% Cina, 2% India dan selebihnya 3.5% yang berlain bangsa yang mendaftar.

Instrumen

Alat pengukuran yang digunakan dalam kajian ini adalah *Questionnaire Price*, *Academic Stress Expectation*, *Rosernberg Self Esteem Scale (RSE)*, *Coping Scale (ACS)*, *Peer*



Pressure Inventory, Alcohol Screening Instrumen for Self Assasment. Manakala Alat ukuran SASSI digunakan untuk mengesan *potensi awal penyalahgunaan dadah.* Soal selidik ini memiliki skala antara lain *face valid alcohol, face valid others drug, family friens risk, Attitude, symtomp, Obvious attributes, subtle attributes, Defensiveness, supplemental addiction measure* dan *Correctional.*

SASSI-2

SASSI-2 (*The Substance Abuse Subtle Screening Inventory*) adalah suatu inventori psikometrik tentang penyalahgunaan bahan termasuk alkohol dan dadah. Alat ini set pertama yang terdiri dari 72 item mengukur 8 skala yang berhubungan dengan pengambilan Bahan, antara lain:

- a. *Family-Friends Risk* adalah suatu konsep tentang pengambilan bahan yang dipengaruhi oleh keluarga dan kawan-kawan.
- b. *Attitudes* adalah suatu konsep sikap yang ada dalam fikiran tentang baik dan buruknya pengambilan bahan.
- c. *Symtopms* adalah penyebab dan hal-hal umum yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan.
- d. *Obvious attributes* adalah skala yang menunjukkan tahap kelansangan seseorang (*impulsiveness, low tolerance for frustration and impatience*) yang akan mengiring pada penyalahgunaan bahan
- e. *Subtle attributes* adalah suatu skala yang tidak berhubungan langsung dengan pengambilan bahan. Secara psikologi skala ini mengukur sifat dalaman manusia.
- f. *Defensiveness* adalah secara leksikal bermakna mempertahankan diri, dan secara kontekstual dalam skala SASSI adalah keinginan seseorang untuk mengakui sesebuah masalah yang terjadi dan berusaha untuk mengatasi semampunya.
- g. *Suplemental addiction measure* adalah skala yang bertujuan memprediksi apakah seseorang sama ada memiliki *defensiveness* atau mudah untuk melakukan pengambilan bahan.
- h. *Correctional* adalah skala yang direka untuk menjangkakan keterlibatan seseorang dalam pelanggaran undang-undang di masa hadapan.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Bilangan subjek yang berpotensi dalam penyalahgunaan bahan

Secara umum mengikut hasil pentadbiran pengukuran SASSI-2 dengan sub skala *Validity* didapati seramai 823 pelajar yang berpotensi penyalahgunaan bahan (*Low probability particularly SAD -substance abuse disorder*) manakala dari jumlah 823 pelajar didapati seramai 8 orang SAD (*substance abuse disorder*) dan 21 pelajar dikenalpasti sebagai SDD (*substance dependence disorder*). Seramai 177 pelajar yang bersih dari mana-mana pengaruh bahan terlarang.

Bilangan ini cukup signifikan menerangkan bahawa simptom penyalahgunaan bahan telah dapat dikesan pada masa remaja lagi. Angka ini juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini pernah berada dalam persekitaran yang berisiko keterjebakan dengan dadah.

Bilangan yang berpotensi penyalahgunaan bahan ini dapat pula menerangkan aspek-aspek persekitaran dan psikologi remaja. Sebagai catatan penting bahawa adanya potensi ini tidak terjadi dengan sendirinya pada remaja. Ianya merupakan sebuah hasil dari proses institusi keluarga, institusi sekolah dan institusi masyarakat. Simptom potensi ini adalah sebuah indikator bahawa remaja secara langsung atau tidak telah pernah terjebak dengan bahan terlarang sama ada di antara ahli keluarga yang terlibat atau dikelilingi persekitaran yang kurang sihat. Sekiranya kekuatan dalaman tidak dapat membantu melawan arus maka pelajar akan mudah terlibat dengan penyalahgunaan bahan dan lagi pun bahan-bahan ini mudah aksesibilitinya.

Keterjebakan pelajar dalam persekitaran yang berisiko ini lagi mudah bagi mereka untuk mendampingi dengan bahan-bahan yang terlarang ini apabila suasana pembelajaran yang akan menuntut kepada tekanan akademik. Termasuk fenomena suasana kampus yang baru, kenalan dan budaya yang berlainan.



2. Kesan *Self Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan terhadap pengambilan bahan (SASSI-2).

Rajah di bawah ini menunjukkan pengaruh yang signifikan dari penanda aras *Self Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan terhadap pengambilan bahan.

Jadual 1: Kesan *Self Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Terhadap Pengambilan Bahan (SASSI-2).

Pembolehubah	Pengambilan bahan.		t	p
	B	Beta		
Konstant	1.254		8.427	000
<i>Self-esteem</i>	-0.006	-0.055	-1.732	0.84
Tekanan akademik	0.001	0.022	0.676	0.499
Koping remaja	0.007	0.107	3.232	0.001
Keagamaan	-0.036	-0.227	-7.299	0.00
$R^2 = 0.064$ dengan $F = 16.926$, $p < 0.05$				

Ujian regresi melalui peramal *self esteem*, tekanan akademik, daya tindak remaja dan keagamaan didapati model ini memberi pengaruh ke atas SASSI sebagai pembolehubah terikat. Adapun peramal yang signifikan memberi pengaruh antara lain adalah *self esteem*, daya tindak remaja dan keagamaan.

Dalam jadual di atas, indeks beta *self esteem*, dan keagamaan menunjukkan korelasi negatif. Ini bermakna semakin rendah *self esteem*, dan keagamaan seseorang maka semakin tinggi kemungkinan memberi pengaruh kepada penyalahgunaan bahan, yang di ukur dengan alat pengukuran SASSI, ataupun sebaliknya semakin tinggi *self esteem* dan



keagamaan akan semakin menurunkan tingkat penyalahgunaan bahan. Dapatan ini secara teoritikal selari dengan teori-teori yang sedia ada.

Manakala koping remaja menunjukkan korelasi positif, yang memberi makna bahawa semakin tinggi tahap koping remaja semakin berpeluang dalam penyalahgunaan bahan. Dapatan ini bercanggah secara teoritikal, namun percanggahan ini adalah kesan dari fenomena subjek kajian yang terdiri dari kalangan remaja, yang mungkin koping yang mereka sedia ada membuat percanggahan dengan realiti sosial yang ada sehingga menjadikan mereka tertekan dan menghampirkan mereka dalam penyalahgunaan bahan, atau fenomena ini lebih kepada refleksi mengelak daripada menghadapi masalah. Peristilahan *split* personaliti adalah wujud percanggahan antara konsep dan realiti di kalangan kanak-kanak dan remaja. Sama ada percanggahan yang terjadi di dalam rumahtangga mahupun dalam masyarakat dan lembaga pendidikan.

Dalam banyak literatur menyebutkan remaja tidak dikategorikan jenayah apabila melakukan tindakan yang tidak bermoral. Remaja lebih diperistilahkan dengan delikuen bukan jenayah. Hal ini disebabkan oleh status remaja dalam masa transisi yang mereka sendiri belum sepenuhnya sedar dengan apa yang mereka lakukan. Dalam erti lain, koping yang mereka miliki mungkin lebih dekat dengan peristilahan kognitif biasa dan tidak begitu berpengaruh terhadap pembentukan tingkah laku remaja.

Jadual 2: Kesan *Self-Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Ke Atas Skala SASSI-Family Friends Risk

Pembolehubah	<i>Family Friends Risk</i>		t	P
	B	Beta		
Konstant	2.131		4.594	0.000
<i>Self-esteem</i>	-0.040	-0.126	-4.002	0.000
Tekanan akademik	0.018	0.097	2.968	0.003



Koping remaja	0.021	0.103	3.181	0.002
Keagamaan	-0.114	-0.226	-7.393	0.000
R² = 0.94 dengan F = 25.938 , p < 0.05				

Ujian regresi ke atas skala *family friends risk* sebagai salah satu skala pengukuran SASSI, juga menunjukkan hasil yang sama dengan SASSI secara keseluruhan. Didapati *self esteem* dan keagamaan memberikan indeks beta yang negatif. Manakala koping remaja tetap dengan indeks beta yang positif. Berbeza dengan dapatan SASSI, *Family Friends Risk* dipengaruhi oleh tekanan akademik yang memiliki korelasi beta yang positif. Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tekanan akademik seseorang semakin cenderung tingginya *family friends risk* dalam subjek kajian ini. Skala ini merujuk kepada penyalahgunaan bahan yang dipengaruhi oleh famili dan rakan sebaya. *Self esteem* dan keagamaan adalah perwakilan penting mental seseorang menghadapi pelbagai gejala negatif yang ada di persekitaran. Orang-orang yang memiliki *esteem* yang tinggi akan merasa bahawa ia memiliki identiti yang positif dan sebaliknya. Identiti sangat menentukan pola pilihan hidup seseorang. Orang yang telah menggambarkan dirinya negatif tidak akan pernah merasa bersalah apabila melakukan sesuatu yang di luar norma. Ia akan berfikir bahawa ia bukan bahagian dari kebaikan dan boleh jadi kebaikan adalah musuh laten yang ada di dalam mental-kognitifnya. Demikian pula dengan agama adalah suatu alat kawalan *supranatural* yang akan terus menyentuh titik spiritual manusia untuk membezakan mana yang baik dan mana yang buruk. Keagamaan di satu sisi juga akan membentuk identiti seseorang. Orang-orang yang memiliki keagamaan yang baik cenderung mempersepsikan dirinya sebagai orang yang “memusuhi” kejahatan dan malah akan menciptakan pribadi yang akan cuba memperbaiki kejahatan.

Tekanan akademik dan koping remaja juga turut memberi kesan positif terhadap penyalahgunaan bahan yang dipengaruhi oleh famili dan kawan sebaya ini memberi indikasi bahawa seseorang yang tertekan cenderung ingin melepaskan tekanan yang dihadapinya. Penyelesaian masalah yang tanpa diiringi oleh keagamaan dan estim sendiri yang baik akan cuba mencari penyelesaian secara instan atau jalan pintas. Secara fisiologi



dadah dan alkohol memberikan kesan relaksasi terhadap beban fikiran yang dihadapi seseorang yang walaupun relaksasi ini menciptakan tekanan baru yang lebih tinggi lagi.

Jadual 3: Kesan Self-Esteem, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Ke Atas Skala SASSI-Attitude

Pembolehubah	Attitude		t	p
	B	Beta		
Konstant	1.776		3.003	0.003
Self-esteem	0.001	0.002	0.051	0.959
Tekanan akademik	0.013	0.062	1.670	0.095
Koping remaja	0.019	0.082	2.231	0.026
Keagamaan	-0.071	-0.126	-3.637	0.000
$R^2 = 0.027$ dengan $F = 5.809$, $p < 0.05$				

Skala *Attitude* pula memperlihatkan bahawa *self esteem* tidak memberikan pengaruh, namun keagamaan memberikan pengaruh yang tetap pada indeks relasi beta yang negatif. Korelasi ini adalah semakin tinggi keagamaan seseorang semakin kuat untuk mengelak dari penyalahgunaan bahan. Indeks beta positif diperlihatkan oleh korelasi koping remaja dan tekanan akademik. Dapatan ini sebagaimana perbincangan sebelumnya bahawa tekanan akademik yang cukup tinggi semakin melemahkan sikap seseorang untuk menghindari penyalahgunaan bahan. Dan koping remaja tetap berperanan sebagai kecelaruan kognitif remaja menghadapi masalah dalam perkembangan transisi remaja. Agama dalam konteks sikap manusia adalah suatu variabel mutlak yang akan memberi peranan dalam diri seseorang. Agama tidak hanya memberi kesan ketenangan apabila mengamalkan setiap sisi ajarannya, namun agama adalah sumber mental-kognitif manusia untuk memandang ke dalam dan yang ada di luar dirinya. Adalah dipastikan apabila mental-kognitif keagamaan seseorang cukup baik ia kerana membangun sikap yang negatif terhadap setiap kesalahan dan kejahatan. Bagaimana mungkin seseorang



memberikan sikap negatif terhadap sesebuah kesalahan apabila dalam waktu yang bersamaan ia tidak memiliki konsep kebaikan yang mendalam? Tentu yang akan terjadi adalah yang sebaliknya, akan memberi sikap positif terhadap setiap kesalahan. Dalam kajian ini yang mendapati bahawa agama akan mengurangi sikap positif seseorang terhadap kesalahan adalah sesuai secara teoritikal.

Jadual 4: Kesan *Self-Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Ke Atas Skala SASSI-Symptom

Pembolehubah	Symptom		t	p
	B	Beta		
Konstant	1.745		4.516	0.000
<i>Self-esteem</i>	-0.002	-0.008	-0.242	0.804
Tekanan akademik	0.012	0.083	2.333	0.020
Koping remaja	0.012	0.076	2.164	0.031
Keagamaan	-0.066	-0.173	-5.231	0.000
$R^2 = 0.043$ dengan $F = 9.999$, $p < 0.05$				

Pada skala *symptom* dalam dapatan kajian ini juga menunjukkan fenomena yang sama dengan gejala pada skala *attitude* seseorang terhadap penyalahgunaan bahan. Skala ini merujuk kepada penyebab dan hal-hal umum yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan. Seperti yang telah diterangkan di atas, keagamaan tidak hanya sebagai sebuah ajaran dan peraturan-peraturan. Agama lebih jauh apabila dijalankan dengan mental-kognitif yang baik juga akan memberikan kesan relaksasi pada diri manusia. Seseorang telah dapat menikmati kesan relaksasi dari agama, apabila suatu saat ia ditimpa oleh sesebuah persoalan yang ia sendiri tertekan oleh masalah tersebut maka ia akan terus mencari relaksasi melalui agama. Namun apabila ini tidak terjadi maka dipastikan seseorang akan terlintas untuk mengurangi tekanan ini yang bukan bersumber dari agama, dan untuk ukuran remaja yang paling cepat adalah menggunakan bahan-bahan



yang terlarang. Dapatan kajian ini sangat penting bahwa simptom penyalahgunaan dadah adalah dipengaruhi secara signifikan oleh agama. Indeks beta yang negatif adalah mencerminkan agama memainkan peranan penting untuk menurunkan simptom penyalahgunaan bahan.

Jadual 5: Kesan *Self-Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Ke Atas Skala SASSI-*Obvious Attributes*

Pembolehubah	<i>Obvious Attributes</i>		t	p
	B	Beta		
Konstant	4.239		7.716	0.000
Self-esteem	0.002	0.006	0.185	0.854
Tekanan akademik	0.008	0.038	1.104	0.270
Koping remaja	0.006	0.025	0.734	0.463
Keagamaan	-0.081	-0.141	-4.437	0.000
$R^2 = 0.021$ dengan $F = 5.370$, $p < 0.05$				

Skala *Obvious attributes* dalam dapatan kajian ini hanya keagamaan yang memberi pengaruh, dengan indeks korelasi beta yang negatif. Dalam konteks pengukuran SASSI skala ini menunjukkan tahap kelansangan seseorang (*impulsiveness, low tolerance for frustration and impatience*) yang akan membawa pada penyalahgunaan bahan. Tidak terdapatnya pengaruh *self esteem*, tekanan akademik dan koping remaja adalah sebuah fenomena yang tak terlepas dengan semula jadi remaja. Ertinya *self esteem* dan koping remaja seriring dengan perkembangan remaja yang berada dalam transisi sehingga kewujudan *self esteem* dan koping berdampingan dengan wujudnya transisi di zaman remaja, yang dalam banyak hal banyak melakukan tindakan tindakan yang bertentangan dengan norma, sebagai bentuk untuk mencari jati dirinya menjelang memasuki usia dewasa.



Walau bagaimanapun, agama tetap memainkan peranan penting terhadap tahap kelansangan remaja. Kelansangan dalam fasa remaja bukan disebabkan semata-mata oleh faktor psikologi namun lebih banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Kajian Khaidzir dan Khairil (2004) mendapati bahawa personaliti antara remaja banduan dengan remaja pondok berada pada aras yang sama. Ertinya tidak ada perbezaan yang signifikan personaliti pada kedua-dua kumpulan ini. Secara teoritikal personaliti dua kumpulan ini mestilah berbeza kerana di satu sisi adalah remaja pondok yang belajar agama dan sisi lain remaja banduan, namun kedua-dua kumpulan ini berada pada peringkat remaja maka secara semula jadi mereka memiliki personaliti yang sama. Tentunya kelansangan antara kedua-dua remaja ini adalah sama, namun kerana remaja pondok dalam didikan agama ia akan terhindar dari melakukan kelansangan. Maka agama adalah faktor penting yang harus ditanamkan dalam masa remaja ini.

Jadual 6: Kesan *Self-Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Ke Atas Skala SASSI-Subtle Attributes

Pembolehubah	Subtle Attributes		t	P
	B	Beta		
Konstant	3.248		5.859	0.000
<i>Self-esteem</i>	-0.048	-0.124	-3.983	0.000
Tekanan akademik	0.015	0.065	1.990	0.047
Koping remaja	0.027	0.110	3.397	0.001
Keagamaan	-0.161	-0.266	-8.758	0.000
$R^2 = 0.106$ dengan $F = 29.586$, $p < 0.05$				

Berbeza dengan OAT, pada skala *subtle attributes* ini tidak berhubung langsung dengan pengambilan bahan. Secara psikologi skala ini mengukur sifat dalaman manusia. Pada skala OAT yang diukur adalah tingkah laku yang jelas. Sehingga dalam dapatan kajian ini skala *subtle atribut* dapat dipengaruhi oleh *self esteem* sebagai salah satu dalaman



manusia. Dalam erti lain seolah-olah apapun daya kawalan seseorang untuk melakukan kesalahan, namun masih ada sedikit dalam hati nurani yang akan merasakan kejahatan itu. Dalam dapatan kajian ini *self esteem* memberikan pengaruh negatif terhadap sifat dalaman keagresifan seseorang adalah sebagai indikasi bahawa semakin rendah *self esteem* remaja semakin tinggi tahap kelansangan dalaman remaja.

Di samping agama yang cukup besar memainkan peranan dalam mengurangkan kelansangan. Di antara *self esteem* dan keagamaan bagaimanapun keagamaan adalah lebih dominan menentukan kelansangan remaja dalam penyalahgunaan bahan. Pengaruh positif pula ditunjukkan oleh tekanan akademik dan koping remaja terhadap skala ini adalah suatu fenomena bahawa skala ini dapat memberikan pengaruh terhadap peningkatan tahap kelansangan dalaman remaja. Bebanan akademik yang tidak seimbang dan peningkatan tahap strategi daya tindak yang tanpa diiringi oleh tahap *self esteem* dan tahap keagamaan yang cukup baik tetap akan menghasilkan strategi daya tindak yang bercampur dengan *simptom* paranoid, yang tetap akan menghasilkan *subtle attributes* yang negatif terhadap penyalahgunaan bahan.

Jadual 7: Kesan *Self-Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Ke Atas Skala SASSI-Defensiveness

Pembolehubah	Defensiveness		t	p
	B	Beta		
Konstant	2.855		3.783	0.000
<i>Self-esteem</i>	0.142	0.262	8.741	0.000
Tekanan akademik	-0.041	-0.127	-4.086	0.000
Koping remaja	-0.026	-0.074	-2.397	0.017
Keagamaan	0.217	0.253	8.684	0.000
$R^2 = 0.177$ dengan $F = 53.508$, $p < 0.05$				



Secara leksikal skala ini bermaksud mempertahankan diri, dan secara kontekstual dalam skala SASSI ini adalah keinginan seseorang untuk sesuatu sesebuah masalah yang terjadi dan berusaha untuk mengatasi semampunya. Berbeza dengan skala OAT dan *subtle attribute*, pada skala *Defensiveness* ini *self esteem* dan keagamaan berpengaruh secara positif. Artinya *self esteem* dan keagamaan mampu membantu seseorang untuk mencapai suatu kondisi yang membuat dia mampu untuk cuba mengelak dari hal-hal yang akan mengancam keselamatan dirinya. Sebaliknya pengaruh negatif pula ditunjukkan oleh tekanan akademik dan koping sebagai kewujudan dari tahap akademik yang cukup membebankan dan koping yang cukup tinggi tanpa diiringi oleh *self esteem* dan agama yang baik perthanan seseorang untuk mengelak dari hal-hal yang mengancam keselamatannya semakin bercelaru. Selari dengan keterangan yang di atas, maka pertahanan seseorang terhadap melakukan tindakan yang menyimpang adalah ditentukan oleh identitinya. Identiti yang positif adalah pertahanan seseorang dalam bentuk memberi nilai negatif terhadap sesebuah kesalahan. Penilaian inilah yang sangat penting untuk seseorang menghindar dari kesalahan.

Jadual 8: Kesan *Self-Esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Ke Atas Skala SASSI-*Supplemental Addiction Measure*

Pembolehubah	<i>Supplemental addiction measure</i>		t	p
	B	Beta		
Konstant	2.010		4.702	0.000
<i>Self-esteem</i>	-0.033	-0.112	-3.575	0.000
Tekanan akademik	0.014	0.080	2.460	0.014
Koping remaja	0.020	0.108	3.340	0.001
Keagamaan	-0.115	-0.248	-8.120	0.000
$R^2 = 0.097$ dengan $F = 26.720$, $p < 0.05$				



Skala ini sangat signifikan untuk membantu membuat ramalan apakah seseorang sama ada memiliki *defensivness* atau mudah untuk melakukan pengambilan bahan. Dapatan kajian telah menunjukkan potensi pengambilan bahan dalam kalangan pelajar yang remaja ini ditentukan oleh tahap keagamaan dan tahap *self esteem*, demikian juga ditentukan oleh tekanan akademik dan koping pelajar. Pengaruh negatif yang signifikan dari *self esteem* dan keagamaan adalah suatu penunjukan rendahnya *self esteem* dan keagamaan seseorang apabila ditimpa sesebuah masalah yang akan mudah mencari jalan keluar menyelesaikan masalah dengan cara pengambilan bahan. *Self esteem* dan keagamaan sangat menentukan seseorang menilai imej dirinya. Seseorang yang rendah *self esteem* dan keagamaan ia merasa dirinya tidak memiliki kehadiran/keterampilan yang positif. Maka akan berbeza cara seseorang melepaskan masalah antara orang berimej positif dengan orang yang berimejkan negatif.

Jadual 9: Kesan *Self-esteem*, Tekanan Akademik, Koping Remaja Dan Keagamaan Ke Atas Skala SASSI-Correctional

Pembolehubah	Correctional		t	p
	B	Beta		
Konstant	5.522		8.103	0.000
<i>Self-esteem</i>	0.084	0.173	5.694	0.000
Tekanan akademik	-0.006	-0.019	-0.608	0.543
Koping remaja	-0.023	-0.075	-2.390	0.017
Keagamaan	0.255	0.333	11.279	0.000
$R^2 = 0.153$ dengan $F = 45.028$, $p < 0.05$				

Skala *Correctional* pula dibina untuk menjangkakan keterlibatan seseorang dalam pelanggaran undang undang di masa hadapan. Skala ini bukan skala undang-undang namun skala ini adalah lebih kepada pengukuran sikap terhadap ketaatan pada peraturan. Seseorang yang kurang merasa bersalah ketika melanggar undang-undang adalah suatu



simptom yang menggambarkan suatu kecenderungan menganggap kesalahan sesuatu hal yang biasa sehingga mengakibatkan tidak merasa bersalah bergaul dengan orang yang melakukan kesalahan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa *self esteem* dan keagamaan dapat mempengaruhi secara positif tahap kesedaran seseorang untuk tetap mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan dan merasa takut terlibat dengan pelanggaran undang-undang.

Sebaliknya, tekanan akademik dan koping yang bersifat paranoid secara negatif mempengaruhi ketaatan seseorang pada undang-undang iaitu orang-orang yang merasa tertekan oleh hal-hal yang positif seperti bebanan akademik, tetap akan melihat bahawa undang-undang adalah akibat tekanan yang mereka alami. Sehingga dengan cara melanggar undang-undang mereka merasa terlebih bebanan. Orang-orang yang memiliki estim sendiri dan keagamaan yang baik memiliki rasa malu yang cukup tinggi apabila melakukan kesalahan. Mereka menghindari kesalahan bukan semata-mata kerana takut mendapat hukuman, namun lebih jauh mereka ada rasa malu. Dalam konteks keislaman orang-orang beriman ia akan merasa malu melakukan kesalahan. Ia akan terkawal secara individual dan sosial. Penyelidik secara *commonsense* cuba membezakan, bahawa *self esteem* lebih kepada memberi kesan pada kawalan sosial (horizontal) dan agama lebih kepada kawalan diri bersama Tuhannya (vertikal).

KESIMPULAN

Signifikannya, penanda awal yang dibina dalam kajian ini sebagai langkah untuk mengesan penyalahgunaan adalah suatu penemuan penting dalam penyelidikan masalah penyalahgunaan bahan. Dikatakan dapatan ini sebagai temuan penting adalah kerana penanda awal ini melibatkan konstruk-konstruk yang ada di dalam diri manusia, yang akan menentukan pola tingkah laku manusia, sama ada akan bertingkah laku positif mahupun bertingkah laku negatif.

Aspek psikologi dan agama adalah sesuatu yang *inheran* di dalam diri manusia. Aspek psikologi dalam diri manusia sangat memerlukan agama untuk mempositifkannya dan



manakala agama memerlukan perspektif psikologi untuk menanamkannya. Ertinya psikologi akan lebih menyihatkan manusia dengan agama dan agama akan lebih mudah ditanamkan dan diajarkan dalam mental-kognitif manusia dengan pendekatan psikologi.

Bagaimanapun subjek kajian ini adalah masih purata dalam lingkungan umur remaja yang secara psikologi disebut masa transisi. Suatu masa yang menandakan mudahnya remaja mengalami kecelaruan identiti yang tentunya akan mudah terperosok melakukan salah laku. Oleh itu dapatan kajian ini menjadi pendorong bagi setiap institusi yang bergerak dalam bidang pendidikan bahawa unsur kesejahteraan psikologi dan keagamaan haruslah diutamakan, kerana sikap dan tingkah laku seseorang akan sangat ditentukan oleh kadar kesejahteraan psikologi dan keagamaannya. Pendekatan penyelesaian dadah tidak hanya cukup dengan pendekatan hukum dan perundangan semata-mata, ia perlu didekati dengan perubahan arah kurikulum pendidikan yang mengutamakan modal insan sebagai teras utama menghadapi persoalan-persoalan ke hadapan.

Sebagai kesimpulannya, alat pengukuran SASSI-2 yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kekuatan yang tersendiri mampu mengenalpasti pelajar yang telah terlibat dalam penyalahgunaan bahan dan juga pelajar-pelajar yang berpotensi terjebak. SASSI-2 ini juga boleh dijadikan sebagai alat alternatif atau digunapakai bersama dengan saringan ujian air kencing. Hasil kajian ini juga mampu menyediakan program intervensi kepada 823 pelajar yang disenaraikan sebagai *low probailiti SAD*, manakala seramai 29 lagi pelajar dari jumlah 823 pelajar yang dikenalpasti sebagai SDD/SAD akan disediakan program rawatan.

RUJUKAN

AADK (2008). Laporan Dadah Januari Hingga Julai 2008. Agensi Anti Dadah Kebangsaan, AADK.

Abdullah Al-Hadi Haji Muhammad & Iran Herman. (1992). *Penagihan Dadah*



- Mengikut Kaum: Diri, Keluarga Dan Persekutuan.* Malaysia: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Abdul Ghafar Taib. (1992). *Dadah Pembunuh.* Jil.1. Kuala Lumpur: Delmu (m) Sdn. Bhd.
- Agensi Dadah Kebangsaan. t.th. *Garis Panduan Program Pencegahan Relapse.* Malaysia: Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri.
- Ang, Rebecca P. And Huan, Vivien, S (2006). *Academic Expectation Stress Inventory: Development, Factor Analysis, Reability and Validity.* Educationan and Psychological Measurement. Vol 66 No 3, ms 552-539.
- Asmawati Desa. 2004. *Psikologi Untuk Golongan Profesional.* Ed. Ke-2. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Baba bin Ismail. (1999). *Perbandingan Faktor-Faktor Keluarga Dan Tingkah Laku Tidak Bermoral Di Kalangan Remaja Dari Aspek Komunikasi, Kasih Sayang, Pengawasan Dan Konflik.* Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM.
- Breaden, M.C. (2007). Substance abuse. *Education Week November* : 27(13).
- Daniel T.L. Shek & Ching Man. (2008). Beliefs About Cough Medicine Abuse Among Chinese Young People In Hong Kong. *Social Behavior and Personality.* 36(1): 135-144.
- Donnie W. W., Lorrie B., Susan T., Tiffanie S., Cheryl A. B. & Eugene W. I. (2003). *The Role Of Small And Medium-Sized African- American Churches In Promoting Healthy Life Styles* Journal Of Religion And Health, Vol. 42, No. 3.
- Dorard, G., Berthoz, S., Phan, O., Corcos, M. & Bungener, C. (2008). Affect Dysregulation In Cannabis Abusers: A Study In Adolescents And Young Adults. *European Child & Adolescent Psychiatry.*
- E Webb, C H Ashton, P Kelly, F Kamali. (1996). Alcohol and Drugs Use in UK University Students. *The Lancet.* Vol 348: 922-935.
- Fishbein, D.H., Herman-Stahl, M., Eldreth, D., Paschall, M.J., Hyde, C., Hubal, R., Hubbard, S., Williams, J. & Lalongo, N. (2006). Mediators of the stress-substance-use relationship in urban male adolescent. *Prevention Science.* 7(2): 113-126.



- Frisher, M., Crome, I., Green, C., Willoughby, R., Smith, A., Harris, P. (2005). Individual And Population Risk Of Drug Use Among Adolescents Attending An English Youth Offending Team: An epidemiological approach. *The Journal of Forensic Psychiatry & Psychology*. 16(1): 11-23.
- Glassner, B., Loughlin, J. (1897). *Drug In Adolescent Worlds: Burnouts To Straights*. Macmillan Press.
- Hallfors, D.D, Waller, M.W. & Bauer, D. (2005). Which Comes First In Adolescence: Sex And Drugs Or Depression. *Research In Child And Adolescent Behavior*. 29(3): 163-170.
- Hanlon, T.E., O'Grady, K.E., Bennett-Sears, T., Callaman, J.M. (2007). Incarcerated Drug-Abusing Mothers: Their Characteristics And Vulnerability. *The American Journal of Drug and Alcohol Abuse*. 1:59-77.
- Hundleby, J.D. & Mercer, G.W. (1987). Family And Friends As Social Environments And Their Relationship To Young Adolescent's Use Of Alcohol, Tobacco And Marijuana. *Journal of Marriage and the Family*. 49(1): 151-164.
- IPPBM. (2008). *Pengenalan Mengenai Dadah di Kalangan Generasi Muda*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. KBS.
- John M. W., Jr. Tony N. B., Jerald G. B. & Thomas A. L. (2003). Religion, Race, And Abstinence From Drug Use Among American Adolescents. *Monitoring the Future Occasional Paper 58*. Institute for Social Research University of Michigan Ann Arbor.
- Kaplan C. D., Bielemen B., TenHouten W. D. (1998). *Are There 'Casual Users' Of Cocaine?* In C.Wiley (Ed.), *Cocaine: Scientific And Social Dimension* Ciba Foundation Symposium.
- Kasmini Kassim, Teoh Hsien Jin, Lim Gaik Suan, Zaireeni Azmi. (2002). *Delinkuensi Juvana: Sebuah Laporan Kajian*. Kuala Lumpur: Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1983). *Mencegah Salah Guna Dadah Melalui Kaunseling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khaidzir Hj Ismail & Khairil Anuar. (2004). *Personaliti Dan Jenayah: Kajian Kes Remaja Banduan Dan Pondok Di Pekan Baru Riau, Indonesia*. Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan Siri III. Anjuran Unit of Research, Development & Commercialization, UITM di Riviera Bay Resort, Melaka, 21 Februari.



- Khaidzir Hj Ismail, Hanina Halimatusaadiah Hamsan, Suzana Mohd Hoesni & Rumaya Juhari. (2003). Remaja Resilien Dalam Keluarga Berisiko. *Jurnal Kerja Sosial*. 2: 63-83.
- Khanzian, E.J. (1985). The Self-Medication Hypothesis Of Addictive Disorders: Focus On Heroin And Cocaine Dependence. *Am J Psychiatry*. 142: 1259-1264.
- Krosnic, J.A. & Judd, C.M. (1982). Transitions In Social Influence At Adolescence: Who Induces Cigarette Smoking. *Development Psychology*. 18: 359-369.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lai S, Lai H, Page J.B, McCoy C. B. (2000). The Association Between Cigarette Smoking And Drug Abuse In The United States. *Journal of Additive Disease*, 19:11-24.
- Leslie, L. (2008). Alcohol And Drug Use Among Teenagers. *Canadian Medical Association Journal*. 178(2): 149.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed, Sabitha Marican, Nadiyah Elias & Yahya Don. (2005). *Profil Dan Faktor Risiko Pengguna Dadah Remaja: Input Untuk Program Pendidikan Pencegahan Dadah*. Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti Muda: Melangkah Ke Hadapan, hlm. 31-49.
- Nazrul Islam, S.K., Hossain, K.J. & Ahsan, M. (2000). Sexual Life Style, Drug Habit And Socio-Demographic Status Of Drug Addicts In Bangladesh. *Public Health (Nature)*. 112(5): 389-392.
- Niaz U., Siddiqui S. S., Hassan S., Husain H., Ahmed S. & Akhter R. (2005). A Survey Of Psychosocial Correlates Of Drug Abuse In Young Adults Aged 16-21, In Karachi: Identifying 'High Risk' Population To Target Intervention Strategies. *Journal of Medical Sciences*, July-September, Vol. 21, No. 3.
- Norulhuda Sarnon @ Ku Senin & Khaidzir Hj Ismail. (2002). Ponteng Sekolah Dan Profil EQ Remaja. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*. 18:119-132. *Penagihan Dadah Di Kalangan Golongan Professional*. t.th. Slaid. Pengasih Malaysia: www.pengasih.net.
- Roseliza Murni Ab. Rahman, Saedah A. Ghani, Zainah Ahmad Zamani, Wan Hahrazah Wan Sulaiman, & Arifin Haji Zainal. (2005). Psikopatologi Di Kalangan Penagih Dadah Dan Implikasi Kepada Modality Rawatan. Prosiding Seminar



- Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: *Realiti Muda: Melangkah Ke Hadapan*, hlm. 182- 195.
- Rumpold, G., Klingseis, M., Dornauer, K., Kopp, M., Doering, S., Hofer, S. Mumelter, B. & Schubler, G. (2006). Psychotropic Substance Abuse Among Adolescents: A Structural Equation Model On Risk And Protective Factors. *Substance Use and Abuse*. 41: 1155-1169.
- Rutter, M. & Smith, D. (1995). *Psychosocial Disorders In Young People*. London: Academia Europaea.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial : Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves, Selangor : Edusystem Sdn. Bhd.
- Siti Rawizah Abd Rahman. (2006). *Faktor-Faktor Mempengaruhi Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Wanita*. Latihan Ilmiah bagi Ijazah Pengurusan Kerja Sosial, Fakulti Pengurusan Sosial dan Manusia, UUM.
- Soresi, S., Nota, L. & Ferrari, L. (2005). Counseling For Adolescents And Children At-Risk In Italy. *Journal of Mental Health Counseling*. 27(3): 249-265.
- Suisher, J.D. (1993). *Early Adolescent Belief Systems And Substance Abuse*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Turner, S. J. (2000). Study Suggests Smoking May Be A Marker For Potensial Drug Abuse, Depression Among Adolencents. Artikel yang dipetik dari George Street Journal. [on line] http://www.brown.edu/Administration/George_Street_Journal
- Unit Media & Promosi Kesihatan Hospital UKM. t.th. *Kesihatan Mental*. [on line] http://pkukmweb.ukm.my/~medipro/home/info_kesihatan.asp?ID=3 (2 Mac 2008).
- UNICEF Malaysia. (2007). Artikel Dadah dan HIV/AIDS http://www.unicef.org/malaysia/msl/hiv_aids_5581.html
- Zastrow, C. (2004). *Introduction To Social Work And Social Welfare* (8th ed). America: Thomson Learning Inc.